

BAB

KEEMPAT

PENUTUP

4.0 KESIMPULAN

Bab ini merupakan penutup dan sebagai kesimpulan untuk disertasi ini yang merangkumi rumusan, cadangan, saranan dan juga kesimpulan. Penulis akan membincangkan beberapa kajian perbandingan yang telah dibuat pada bab tiga di antara BIMB dan juga BMMB untuk dimuatkan di dalam bab ini.

4.1 RUMUSAN

Pembiayaan adalah salah satu cara untuk membantu individu yang memerlukan wang. Pembiayaan perdagangan telah lama dipraktikkan. Sebelum kedatangan Islam masyarakat arab telah mengamalkan aktiviti pembiayaan ini yang telah dinamakan *as-suftajah*.¹ Secara kasarnya pembiayaan ini dipecahkan kepada dua iaitu :

- 1) pembiayaan ekuiti
- 2) pembiayaan hutang

Setelah kedatangan Islam, pembiayaan yang berteraskan *ribā* ini telah diubah. Ini kerana Islam dengan kerasnya mengharamkan unsur *ribā* ini. Dewasa ini pembiayaan perdagangan ini telah rancak diamalkan oleh SPI mahupun bank konvensional. Akan tetapi pembiayaan perdagangan di bank konvensional

¹ Rujuk bab kedua halaman 86.

mengamalkan sistem yang berteraskan *ribā* berbanding dengan produk pembiayaan perdagangan di bank Islam.

Di Malaysia sekarang sudah terdapat bank perdagangan Islam yang menawarkan SPI seperti BIMB dan juga BMMB. SPI ini telah menolak sama sekali penggunaan amalan *ribā* di dalam setiap transaksi yang dilakukan. Pembiayaan perdagangan Islam yang ditawarkan di BIMB dan BMMB memenuhi kriteria-kriteria untuk terus berdaya saing dan berdaya maju sehingga ke peringkat yang lebih global kerana produk ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbanding dengan bank konvensional. BIMB pula telah menerima pengiktirafan ISO 9002 yang telah dianugerahkan kepada operasi pembiayaan perdagangan Islam di BIMB. Dengan penerimaan pengiktirafan ini terbuktilah bahawa produk ini memenuhi jaminan kualiti tetap dan mempunyai prospek yang cerah mengikut peredaran masa². Produk pembiayaan perdagangan Islam yang ditawarkan oleh BIMB dan BMMB adalah berdasarkan kepada prinsip syariah seperti *al-mushārakah*, *al-murābahah*, *al-wakālah*, *al-kafālah*, *al-muḍārabah*, *al-qard al-hasan*, *al-bay' bithaman ājil*, *al-ijārah* dan *bay' al-dayn*.

Pembiayaan ini merupakan pembiayaan jangka pendek yang tempohnya kurang daripada 6 bulan iaitu 30, 60, 90. Bagi prinsip *al-wakālah*, pelanggan dikenakan caj/komisyen di atas setiap perkhidmatan yang dilakukan oleh bank. Manakala bagi prinsip *al-murābahah* adalah berdasarkan harga kos yang ditambah sedikit keuntungan. Dari segi kadar keuntungan yang dikenakan pula, BMMB telah

² BIMB, 'Pembiayaan Perdagangan Nikmatilah Perbezaannya', Risalah BIMB.Kuala Lumpur:BIMB

mengenakan 9.00% untuk surat kredit *al-murābahah*, manakala BIMB pula telah menetapkan 8.8% keuntungan. Kadar yang dikenakan adalah tetap dan tidak berubah bermula dari tarikh perjanjian dibuat sehingga berakhirnya tempoh perjanjian. Surat kredit *mushārakah* di BIMB telah mensyaratkan agar simpanan pelanggan hendaklah dibuat dalam akaun *al-wadī'ah* sahaja akan tetapi BMMB telah mensyaratkan agar pelanggan membuat simpanan untuk pembayarn kepada bank ke dalam akaun *al-wadī'ah* dan *al-mudarabah* (GIA).

Pembentangan perdagangan Islam di sistem perbankan Islam juga menawarkan produk surat jaminan. Bank menerima deposit daripada pelanggan berdasarkan harga yang hendak dibeli atau diimpost dengan mengeluarkan surat jaminan kepada pelanggan. Pembayaran akan dibuat oleh bank dengan menggunakan deposit yang telah dibuat oleh pelanggan terlebih ahulu akan tetapi tidak kesemua surat jaminan yang dikeluarkan oleh BMMB menyerupai surat jaminan BIMB.

Boleh dikatakan BMMB lebih ke hadapan daripada BIMB dari segi penggunaan prinsip syariah yang digunakan di dalam muamalah harian seperti contoh, produk pembiayaan modal kerja *al-murābahah* (MWCF), BMMB menggunakan *bay' al-dayn*, *bay' al-salam* dan juga *bay' al-istiṣnā'* berbanding dengan BIMB yang hanya menggunakan prinsip syariah *al-murābahah* sahaja.

4.2 CADANGAN DAN SARANAN

Di sini penulis ingin mengemukakan beberapa saranan kepada pihak bank agar dapat meningkatkan lagi perkhidmatan pembiayaan perdagangan Islam agar lebih mantap lagi.

4.2.1 Saranan Kepada Pihak Bank

- 1) Pihak bank hendaklah ikhlas di dalam menjalankan urusniaganya terutama dalam produk pembiayaan perdagangan, ini kerana produk ini melibatkan perdagangan di antara dua negara yang berlainan. Masyarakat akan memerhatikan kepada produk ini untuk menilai sejauh mana keadilan yang war-warkan di dalam ekonomi Islam.
- 2) Setiap produk yang ditawarkan hendaklah mengikuti prinsip-prinsip syariah agar urusniaga yang dijalankan terlepas dari unsur *gharar* dan syubhat. Dinasihatkan kepada SPI agar tidak terikut dengan dengan tarian bank konvensional sehingga boleh menimbulkan keraguan kepada pengguna.
- 3) Kadar keuntungan yang dikenakan ke atas pelanggan hendaklah dalam konteks menjaga kebijakan masyarakat, bank diminta agar jangan menjadikan ukuran manfaat kewangan sebagai daya penarik utama dan

keuntungan semata-mata sebaiknya memikirkan tentang kebahagiaan dan kesejahteraan aqidah serta terlepas dari dosa besar iaitu *ribā*. Komisyen yang dikenakan ke atas pelanggan hendaklah berpatut agar pelanggan tidak merasa tertekan. Bank sepatutnya mengambil keuntungan komisyen yang sedikit serta memadai tetapi mendapatt keberkatan kerana dasar Islam untuk menjadikan segala urusan itu mudah dan tidak menyusahkan.

- 4) Pendedahan-pendedahan dan kesedaran yang dilakukan oleh pihak bank tidak mencukupi, oleh yang demikian masyarakat tidak mengetahui secara khususnya apa yang diamalkan oleh SPI serta kemudahan produk yang ditawarkan juga agak kabur. Bank perlu membuat promosi yang hebat demi membuka minda pelanggan agar berurusan dengan SPI, seperti pengiklanan di dalam media masa, mengadakan kaunter penerangan khas dan juga minggu mesra pelanggan untuk menjelaskan tentang produk SPI yang terkini.

4.2.2 Saranan Kepada Masyarakat Umum

- 1) Memupuk perasaan dari kecil lagi untuk menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh SPI. Adalah tidak wajar seseorang yang mengaku dirinya sebagai Islam tidak mahu berhubung dengan SPI. SPI memerlukan sokongan yang kuat daripada orang Islam sendiri untuk terus maju kehadapan demi pematuhan kepada aqidah dan syariah.

- 2) Cuba menghindarkan diri daripada terlibat dengan aktiviti perbankan yang berunsurkan *ribā* dan *gharar*. Sepatutnya tidak ada pilihan lain bagi orang Islam untuk mengenepikan SPI dalam urusniaganya, walaupun keuntungan yang bakal dikecapi jika berurusan dengan SPI adalah rendah daripada bank konvensional yang lain. Tetapi apakah yang lebih berharga daripada keredaan Allah dan keuntungan di akhirat.
- 3) Membantu meningkatkan lagi pemahaman kepada rakan-rakan tentang SPI agar lebih ramai lagi masyarakat agar turut serta. Sekiranya SPI dipandang sepi oleh disebabkan pemahaman masyarakat yang cetek tentang SPI maka gagallah hasrat SPI untuk terus berkembang.
- 4) Meningkatkan lagi perkembangan SPI.

4.2.3 Saranan Kepada Kerajaan

- 1) Kerajaan perlu menyuntik lebih dana demi membantu SPI dalam usaha menambahkan lagi dana bank. Tidak dapat dinafikan bahawa sokongan politik (pemerintah) memainkan peranan yang amat penting dalam kejayaan SPI.
- 2) Menggantikan semua skim perbankan konvensional dengan SPI agar masyarakat Islam khasnya terhindar dari unsur *ribā*.

- 3) Menggalakkan masyarakat untuk menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh SPI, kerajaan khasnya hendaklah mengorak langkah yang awal dengan membuat semua pembayaran skim gaji kerajaan negeri melalui SPI seperti yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri Kelantan selepas berlakunya pertukaran kuasa pemerintahan pada pilihanraya umum 1990. Dengan cara ini banyaklah cawangan-cawangan SPI akan tertubuh untuk memenuhi permintaan ramai kerana SPI mempunyai lebih dana untuk dibuat modal pusingan.
- 4) Kerajaan juga harus menggubal akta agar margin skim pembiayaan perdagangan Islam menjadi lebih rendah dan relevan. Margin keuntungan ini hendaklah sama atau lebih rendah daripada sistem perbankan konvensional.
- 5) Kerajaan hendaklah menyeragamkan institusi kewangan yang berteraskan kepada syariat Islam. Penyeragaman ini boleh dilaksanakan dengan cara mewartakan kesemua bank konvensional agar melaksanakan SPI di dalam semua transaksi, sekiranya perbankan konvensional enggan menurut institusi kewangan yang berteraskan syariat Islam kerjaan hendaklah mengambil langkah yang tegas seperti membekukan lesen perbankan tersebut dan sebaliknya agar SPI ini lebih maju dan berdaya saing.